

Tiga faktor pendorong

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my
Serdang

Kesempitan hidup, wang dan nafsu antara tiga faktor utama menyumbang kepada gejala 'Money Boy' dalam kalangan belia lelaki di negara ini yang semakin berleluasa sejak beberapa tahun lalu.

Kajian dijalankan Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datuk Mohammad Shatar bertajuk 'Money Boy': Masalah Sosial Era Generasi Y mendapati bayaran minimum tetap RM5,000 sebulan menjadi tarikan utama individu itu terjebak.

Menurut Mohammad Shatar, pihaknya menjalankan kajian berkenaan bagi mengenali aliran gaya hidup segelintir belia lelaki yang dilihat berperanan penting bagi pembentukan negara pada masa

akan datang.

"Tidak dinafikan masyarakat kini berusaha keras bagi menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang meningkat, namun ada segelintir yang melakukannya dengan cara salah dan memerlukan panduan untuk keluar daripadanya.

"Kebanyakan 'Money Boy' buta hati selepas melihat wang banyak, sekali gus mengeneipkan pegangan hidup dan agama semata-mata ingin mengejar kemewahan dunia," katanya ketika menyampaikan syarahan mengenai perkara terbabit, di sini, semalam.

Katanya, kajian beliau menunjukkan 300 responden membawa kerjaya sebagai 'Money Boy' sehingga ke luar negara kerana wang yang diterima berlipat kali ganda berbanding pelanggan tempatan.

"Masyarakat tidak boleh lepas tangan dengan beranggapan masalah ini kecil dan tidak mendatangkan mudarat kepada sesiapa kerana masa depan negara bergantung ke-



MOHAMMAD Shatar

pada situasi generasi kini.

"Jadi, sekiranya fenomena begini tidak ditangani segera, mungkin kita berdepan masalah besar dan pada waktu itu semua sudah terlambat," katanya.

Menurutnya, pihaknya mencajangkan kerajaan menjalankan rondaan dan pemantauan di lokasi panas 'Money Boy' berkumpul supaya gejala ini ditangani segera.

"Saya dapati fenomena 'Money Boy' berada di tahap serius di mana sekiranya diabaikan, perkara itu



LAPORAN Metro Ahad, 26 April lalu.

menjadi racun kepada masyarakat belia yang membesar.

"Pendedahan mengenai masalah ini sepatutnya dilakukan di peringkat sekolah rendah dan bukannya di peringkat universiti kerana kesedaran itu lebih berkesan pada usia lebih muda," katanya.

Beliau turut memetik laporan muka depan Metro Ahad pada 26 April lalu sebagai sokongan kepada kajiannya iaitu segelintir lelaki muda tempatan dikesan bergiat aktif meraih pendapatan mudah men-

ceah puluhan ribu ringgit dengan menawarkan khidmat 'Money Boy' sehingga membawa ke ranjang.

"Melalui pemerhatian saya, Harian Metro banyak memaparkan masalah sosial remaja termasuk 'Money Boy' yang boleh dijadikan iktibar kepada masyarakat.

"Pelaporan seperti ini perlu diteruskan bukan saja oleh Harian Metro, malah penerbitan lain supaya menimbulkan kesedaran, sekali gus mengekang masalah ini daripada berlarutan," katanya.

FAKTA
Bayaran minimum tetap RM5,000 sebulan menjadi tarikan utama individu itu terjebak